


## Tiada lagi perubahan status sebagai kontak kasual di MySejahtera - Khairy

BERNAMA



Aplikasi MySejahtera. FOTO ARKIB NSTP

Kuala Lumpur: Tiada lagi perubahan status di aplikasi MySejahtera sekiranya orang ramai dikesan sebagai kontak kasual (kuning) kepada kes positif Covid-19, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Khairy menerusi ciapan di Twitter beliau berkata, sebaliknya individu berkenaan hanya akan menerima notifikasi memaklumkan mereka adalah kontak kasual.

"Sebelum ini apabila MySJ trace/check-in mengesan anda sebagai kontak kasual kes positif, status di MySJ akan bertukar kepada kontak kasual (kuning).

"Kini tiada lagi perubahan status. Tetapi anda akan menerima notifikasi. Jika bergejala, asingkan diri dan lakukan ujian sendiri," katanya.

Khairy turut memuat naik poster mengenai langkah meningkatkan penilaian sendiri Covid-19 Kementerian Kesihatan: Tingkatkan Penilaian Kendiri Covid-19 merangkumi lima peringkat iaitu 1: *Test* (Uji), 2: *Report* (Lapor), 3: *Isolate* (Asing), 4: *Inform* (Maklum) dan 5: *Seek* (Dapatkan rawatan).

Poster berkenaan antaranya menggesa orang ramai mendapatkan rawatan segera di pusat perubatan atau Pusat Penilaian Covid-19 sekiranya alami gejala berat seperti kesukaran bernafas dan suhu badan terlalu tinggi.

Disiarkan pada: Mac 1, 2022